

Pendakwa syarie disyor guna DNA

Thursday, 27 October 2005

Utusan Malaysia

KUALA LUMPUR 26 Okt. - Pendakwa syarie disaran mengguna pakai ujian DNA ketika mengendalikan kes pendakwaan untuk membolehkan golongan lelaki disabitkan dengan pertuduhan zina dan kes sumbang mahram di Mahkamah Syariah. Penggunaan ujian DNA di mahkamah sivil terbukti banyak membantu pihak pendakwa memenangi kes jenayah terutama seksual.

Pensyarah Kuliyyah Undang-undang Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Dr. Zulfakar Ramlee berkata, pendakwa syarie `mibataskan' keterangan di Mahkamah Syariah berasaskan pengakuan salah dan saksi. "Jika tidak ada saksi dan tertuduh lelaki pula tidak mengaku salah, dia akan dilepaskan tetapi keadaan sebaliknya berlaku pada wanita kerana mereka boleh didakwa," katanya kepada Utusan Malaysia ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau yang juga Penasihat Undang-undang Jemaah Islah Malaysia (JIM) berkata demikian sebagai mengulas kes seorang wanita berusia 25 tahun yang kesal apabila pihak berkuasa syariah hanya mengambil tindakan ke atasnya seorang kerana melahirkan anak luar nikah.

Lelaki yang menghamilkan wanita itu sebaliknya tidak dikenakan sebarang tindakan walaupun laporan polis sudah dibuat dan segala butiran mengenai pasangannya telah diserahkan kepada pihak Mahkamah Syariah. Wanita terbabit juga bersedia melakukan ujian DNA untuk membuktikan bayi itu anak kandung lelaki berkenaan.

"Tindakan yang dikenakan ke atas wanita ini betul mengikut undang-undang tetapi pihak pendakwa juga perlu bertindak ke atas lelaki yang menghamilkan mangsa berdasarkan laporan yang dibuat," katanya. Zulfakar memberitahu, secara logik kehamilan tidak boleh berlaku tanpa persetubuhan dan dalam kes ini wanita itu mengaku telah berzina dengan pasangannya. `Pihak pendakwa syarie perlu menyiasat kes ini dan menggunakan ujian DNA untuk mendakwa lelaki itu kerana bersubahat melakukan zina," katanya.

Presiden Persatuan Peguam Muslim Malaysia, Datin Paduka Zaitoon Othman, turut bersetuju supaya ujian DNA diguna pakai sepenuhnya di Mahkamah Syariah untuk memberi pembelaan kepada wanita. "Memang mudah mendakwa wanita kerana mereka mengandung dan melahirkan anak tetapi tidak bagi lelaki justeru melalui penggunaan ujian ini boleh menyelesaikan masalah ini dan sekali gus menakutkan kaum lelaki supaya tidak merogol atau berzina," katanya.

Beliau menegaskan, dalam kes tersebut, siasatan perlu dilakukan oleh pihak berkuasa dan pendakwa syarie perlu mengambil tindakan undang-undang ke atas lelaki terbabit. Sementara itu, Presiden Yayasan Azam Wanita, Tan Sri Zaleha Ismail turut melahirkan rasa simpati dan kesal terhadap kejadian yang menimpa mangsa. "Saya pasti lelaki itu boleh dikenal pasti dan diheret ke muka pengadilan supaya dia bertanggungjawab ke atas perbuatannya.

"Masalah sekarang wanita boleh dihukum kerana mengandung tetapi lelaki tidak, sebab itu saya amat bersetuju jika ujian DNA digunapakai di Mahkamah Syariah untuk menegakkan keadilan," katanya.

http://www.biotek.gov.my/index.php?option=com_papercutting&id=957&view=show